



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP  
KARNIVAL KERJAYA WANITA 2021 PERINGKAT NEGERI  
KELANTAN BERSEMPENA HARI SAYYIDATINA KHADIJAH**

**PADA  
30 MAC 2021  
(SELASA)**

**DI  
DEWAN BANQUET  
CRYSTAL COLOUR AVENUE  
KOTA BHARU, KELANTAN**

[SALUTASI]

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita mulakan majlis pada petang ini dengan memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wataala atas kebesaran dan keagungan-Nya jua maka kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam dewan yang serba indah ini bagi sama-sama menjayakan Karnival Kerjaya Wanita 2021 Peringkat Negeri Kelantan bersempena Hari Sayyidatina Khadijah yang disambut pada 29 – 31 Mac 2021.
2. Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan serta Urusetia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (UKeKWA) atas inisiatif penganjuran Karnival Kerjaya Wanita 2021 Peringkat Negeri Kelantan yang berlangsung selama dua (2) hari iaitu pada 29 dan 30 Mac 2021. Sudah tentu, inisiatif dan usaha seperti ini amat digalakkan seiring dengan komitmen Kementerian dalam memperkasa golongan wanita.
3. Untuk makluman semua yang hadir, Karnival Kerjaya Wanita 2021 pada hari ini adalah merupakan sebahagian pengisian di bawah **Program Santuni Wanita dan Keluarga** yang dilaksanakan oleh

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bertujuan untuk membina satu platform yang dapat menghubungkan kumpulan sasar Wanita dan Keluarga yang terjejas berikutan pandemik Covid19, dengan peluang pekerjaan dan penjanaaan pendapatan yang disediakan oleh Kementerian, Agensi Kerajaan dan pihak-pihak yang berkaitan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

### **'WANITA BANGKIT MENDEPANI CABARAN'**

4. KPWKM sentiasa komited dalam memastikan usaha-usaha pemerksaan wanita sentiasa diutamakan. Tema Hari Wanita 2021 yang telah dipilih iaitu **'Wanita Bangkit Mendepani Cabaran'** bukan sekadar suatu apresiasi terhadap kesukaran yang dilalui oleh rakyat dalam mendepani cabaran pandemik Covid19, tetapi turut merangkumi lain-lain usaha pemerksaan wanita di Malaysia.
  
5. Fokus pelaksanaan **Program Pemerksaan Wanita** bagi tahun 2021 merangkumi aspek penglibatan komuniti dalam melindungi wanita, termasuk menyokong keperluan rakyat dari sudut psikososial. Kedua, meningkatkan peluang penjanaaan pendapatan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran terutamanya dalam kalangan wanita B40 dan ketiga, memperkukuhkan jaringan komunikasi dan penyampaian maklumat, antara Kementerian dan kumpulan sasar sehingga ke peringkat akar umbi.

## **MODEL PEMERKASAAN WANITA 4K**

6. Sehubungan itu, bagi memaksimumkan potensi dan peranan wanita dalam pelbagai aspek pembangunan negara, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah memperkenalkan model Pemerksaan Wanita melibatkan 4 domain utama iaitu:
  - (i) Keseimbangan;
  - (ii) Kewangan;
  - (iii) Kemahiran; dan
  - (iv) Kesaksamaan dan Kepimpinan Kendiri.
  
7. Model ini dijadikan panduan dalam menyelaras dan merancang semua program pembangunan wanita secara keseluruhan merangkumi aspek kelangsungan hidup, perlindungan, pembangunan kapasiti, advokasi dan kesedaran, penyertaan, pengintegrasian dan penyelidikan dan pembangunan.

## **KOLABORASI STRATEGIK KPWKM**

8. Dalam menggalas tanggungjawab memperkasa golongan wanita, KPWKM telah mewujudkan kerjasama strategik antara Kementerian dan agensi lain bagi menyediakan sumber dan peluang pekerjaan dan penjanaaan pendapatan kepada wanita. Kerjasama strategik ini juga bertujuan memperkasa penglibatan wanita dan kumpulan sasar lain seperti golongan warga emas, B40 dan OKU dengan hasrat untuk meningkatkan sosio-ekonomi yang terjejas akibat pandemik Covid19. Di antara kerjasama strategik yang telah dilaksanakan ialah:

- (i) 13 bidang kerjasama strategik di antara **KPWKM dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)** meliputi aspek latihan dan bimbingan, pembiayaan, akses pasaran dan perkongsian data antaranya:
- INSKEN Business Coaching
  - Program Successful Women Entrepreneur Engagement Talents (SWEET)
  - Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)
  - Latihan dan persijilan bertauliah dalam bidang *Elderly Care*
  - Program Pembangunan Usahawan Wanita dan pembiayaan perniagaan
  - Menggalakkan penubuhan Koperasi Wanita dan penyertaan wanita dalam koperasi
  - Perkongsian data usahawan wanita, B40 dan OKU
- (ii) Kerjasama strategik antara Jabatan Pembangunan Wanita dan TalentCorp yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) bagi penganjuran Karnival Kerjaya Wanita 2021 yang telah dilaksanakan pada 9 & 10 Mac 2021 sempena sambutan Hari Wanita 2021. Program ini bertujuan menghubungkan menghubungkan wanita dengan majikan yang sedang mencari modal insan melalui bengkel kebolehpasaran, pembelajaran serta kemahiran insaniah dan profesional.

- (iii) Selain daripada itu, Kerajaan Persekutuan juga sentiasa berusaha menjalinkan kerjasama erat bersama Kerajaan Negeri contohnya melalui penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga sebagai platform membincang dan menyalurkan isu-isu berkaitan wanita dan keluarga di peringkat akar umbi.

Begitulah, para hadirin yang amat saya kasihi,

9. Kerajaan begitu komited mempergiatkan pelbagai usaha dan inisiatif untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat serta menyokong pemulihan ekonomi di negara ini. Pengumuman Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bernilai RM20 bilion memperlihatkan usaha berterusan kerajaan memacu pertumbuhan ekonomi negara sejajar dengan strategi pemulihan ekonomi negara 6R bagi menangani pandemik COVID-19 dan memulihkan ekonomi.

## **PENUTUP**

10. Akhir kata, saya dengan ikhlas mendoakan semoga semua wanita yang hadir pada karnival ini ditawarkan pekerjaan atau memperoleh peluang-peluang penjana pendapatan daripada syarikat-syarikat korporat yang terlibat, sekaligus dapat membantu untuk bangkit dan melangkah ke hadapan demi mencapai kualiti hidup yang lebih baik. Wanita juga perlu proaktif dalam mencari peluang dan ruang yang disediakan oleh Kerajaan.

11. InshaAllah, program-program menyantuni **Wanita dan Keluarga** akan diteruskan lagi pada masa akan datang dengan pelbagai platform dan pengisian program yang memberi manfaat. Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan karnival ini. Semoga usaha ini memberikan ganjaran pahala berterusan buat semua.

**Maka dengan itu, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutup Karnival Kerjaya Wanita 2021 Peringkat Negeri Kelantan bersempena Hari Sayyidatina Khadijah.**

WabillahiTaufik-Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi-  
Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.

30 Mac 2021